



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
BAHAGIAN TEMPAT LETAK KERETA

KENYATAAN TAWARAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, kod 221510 (Tempat Letak Kereta) dan yang masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi mengemukakan tawaran pajakan menjalankan Konsesi Medan Letak Kereta sebagaimana kenyataan di bawah:-

1	MBKT SH 61/2019	TAWARAN PAJAKAN UNTUK MENJALANKAN KONSESI MEDAN TEMPAT LETAK KERETA DI KAMPUNG TIONG, KUALA TERENGGANU. Tempoh Pajakan : 2 TAHUN
2	MBKT SH 62/2019	TAWARAN PAJAKAN UNTUK MENJALANKAN KONSESI TEMPAT LETAK KERTA DAN TANDAS DI STADIUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, KUALA TERENGGANU. Tempoh Pajakan : 2 TAHUN
3	MBKT SH 63/2019	TAWARAN PAJAKAN MEDAN TEMPAT LETAK KERETA DI KAMPUNG CINA (JALAN BANDAR) KUALA TERENGGANU. (TAWARAN SEMULA) Tempoh Pajakan : 2 TAHUN
4	MBKT SH 64/2019	TAWARAN PAJAKAN MEDAN TEMPAT LETAK KERETA BAGI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA TERENGGANU. (TAWARAN SEMULA) Tempoh Pajakan : 2 TAHUN

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Bahagian Tempat Letak Kereta, Aras 9 Bangunan Tempat Letak Kereta Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, Terengganu dengan harga RM 15.00/ = Senaskah (Tunai, Wang Pos Atau Bank Draft Sahaja). Untuk maksud ini wakil-wakil syarikat-syarikat hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan satu salinannya hendaklah dibawa bersama semasa mengambil Dokumen Sebutharga.

2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja dalam bidang berkaitan hendaklah dikembarkan bersama sebut harga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis di sebelah luar " **No. Sebut harga seperti contoh MBKT SH. 61 /2019** " dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **20 Jun 2019 (Khamis)**.

3. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebut harga ini akan dijual mulai **10 Jun 2019 (Isnin)** hingga **18 Jun 2019 (Selasa)** pada waktu pejabat sahaja.
5. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebut harga disetuju terima atau menarik balik sebut harga selepas keputusan dibuat maka lesen pembarongnya boleh digantung.



(HAJI SHAHIDAN BIN EMBOK)
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.